



NOYMAH meraikan kejayaan Siti Hawa.



CANSELOR UMP, Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah beramah mesra dengan Siti Hawa.

# JASA IBU

Shahrinnahar Latib  
am@hmetro.com.my

**Kuantan**

**“D**aripada diploma sehinggalah peringkat ijazah sarjana, semuanya ibu yang bantu, kalau tiada ibu siapalah saya, mungkin saya tidak boleh mengenggam ijazah seperti hari ini (semalam).

“Terima kasih ibu, jasmu tidak mampu saya balas, hanya Allah SWT saja mampu membalasnya,” kata penuntut orang kurang upaya (OKU), Siti Hawa Apani, 27, yang menerima Ijazah Sarjana Sains Komputer pada Majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Pahang (UMP) ke-11, di sini, semalam.

Lebih bermakna buat ibunya, Zaidah Tamjis, 53, konvokesyen pada kali ini menyaksikan dua anaknya berkongsi pentas apabila Siti Hawa menerima ijazah sarjana manakala adiknya, Zakiah, 21, menerima Diploma Sains Komputer.

Siti Hawa menghidap penyakit Spinal Muscular Atrophy (SMA) menyebabkan dia tidak mampu bergerak

“Terima kasih ibu, jasmu tidak mampu saya balas, hanya Allah SWT saja mampu membalasnya”  
**Siti Hawa Apani**

dan terpaksa dibantu sepanjang masa.

Menurut Siti Hawa, ibunya banyak memberikan dorongan serta motivasi kepadanya untuk terus menempuh cabaran dalam pengajian dan hidup selain selalu berpesan belajar bersungguh-sungguh supaya menjadi insan berguna.

“Walaupun ibu letih, dia tidak pernah ‘menghilangkan’ senyuman atau kelembutannya sebagai ibu. Pengorbanan ibu adalah liltizam buat saya menempa kejayaan ini,” katanya dari Taman Mahkota Aman, di sini.

Anak ketiga daripada lima beradik itu berkata, sepanjang melanjutkan pengajian di UMP sejak sembilan tahun lalu, ibunya banyak berkorban kerana sanggup menolak kerusi roda ke dewan kuliah, menukar pakaian dan menemaninya di hostel sepanjang masa.

Siti Hawa berkata, ibunya yang tidak pernah berputus asa menjadi kekuatan bagi

dirinya meneruskan pengajian di sebalik kekurangan sehingga berjaya.

“Saya berterima kasih kepada ibu yang tidak jemu membantu di bilik kuliah dan tempat lain di universiti. Semangat ibu membuatkan saya nekad membuktikan orang seperti saya boleh berjaya,” katanya.

Sementara itu, Zaidah berkata, akibat penyakit dihadapi anaknya, Siti Hawa hanya boleh menulis dan memegang beban tidak melebihi 500 gram.

“Disebabkan dia tidak boleh mengangkat beban, saya membantu Siti Hawa mencari bahan rujukan, menyalakan tugas, berada di sampingnya dalam bilik kuliah selain membantunya bertemu pensyarah.

“Dia boleh menulis tetapi saya membantu menyelak buku dalam kuliah, disebabkan tidak pernah berenggang dengan anak saya turut berada bersamanya ketika di dalam kelas,” katanya.

Seramai 2,496 graduan menerima ijazah dan diploma masing-masing pada konvokesyen UMP kali ini.

Daripada jumlah itu, seramai 43 adalah graduan doktor falsafah (PhD), 144 sarjana, 54 sarjana eksekutif, 1,615 sarjana muda dan 321 diploma manakala 319 graduan program sarjana muda eksekutif serta diploma eksekutif.



SITI Hawa bersama keluarga pada majlis konvokesyen Universiti Malaysia Pahang.